

DATE: 27/12/2009

KDN kaji kandungan *Malaysian Maverick*

um - 27/12/2009

PUTRAJAYA 26 Dis. – Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengesahkan sedang mengkaji kandungan buku *Malaysian Maverick: Mahathir Mohamad in Turbulent Times* bagi menentukan kesesuaian pengedarannya di negara ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan) KDN, Datuk Ahmad Fuad Abd. Aziz dalam kenyataannya di sini hari

ini berkata, pihaknya mempunyai masa 60 hari untuk memutuskan mengenai-nya.

“Kajian kandungan adalah proses biasa bagi mana-mana penerbitan dalam dan luar negara. Buku karangan Barry Wain itu tidak terkecuali.

“Ini bagi memastikan ia tidak memudaratkan keselamatan dan ketenteraman

rakyat Malaysia,” katanya.

Bagaimanapun, kenyataan itu tidak menyebut bila KDN menerima buku itu untuk kajian kandungan dan tarikh permohonan pengedarannya di negara ini.

Baru-baru ini, sebuah portal berita pro-pembangkang memetik laporan Asia Sentinel, laman berita berpangkalan di Hong

Kong bahawa Kastam Diraja Malaysia (KDRM) telah menahan buku tulisan bekas Pengarang Urusan *Asian Wall Street Journal* itu.

Bagaimanapun, KDRM menafikan dakwaan menahan 800 naskah buku itu sejak lima minggu lalu dengan alasan semua buku yang dibawa masuk dari luar negara adalah bebas cukai.